



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN DAN KELULUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-35**

**LAPORAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN ISO TAHUN 2017
(SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 DAN SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR
(EMS) MS ISO 14001:2004**

Tujuan

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai penemuan audit dalaman ISO tahun 2017 (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004).

Latar Belakang

2. UPM telah melaksanakan audit dalaman ISMS pada 5 hingga 8 Jun 2017 dan EMS pada 13 hingga 16 Jun 2017. Seramai 41 orang Juruaudit Dalaman ISMS dan 44 orang Juruaudit Dalaman EMS telah melaksanakan audit pada tarikh yang ditetapkan. Pelaksanaan audit dalaman diketuai oleh Ketua Juruaudit Dalaman (KJAD) ISMS dan KJAD EMS iaitu:

2.1 Encik Krishnan Mariappan – KJAD ISMS;

2.2 Encik Asrizam Esam – KJAD EMS.

3. Objektif audit dalaman adalah untuk menentukan sama ada UPM melaksanakan Pengurusan Keselamatan Maklumat dan Pengurusan Alam Sekitar berdasarkan keperluan standard dengan efektif selaras dengan dasar serta objektif ISMS dan EMS UPM, melihat penambahbaikan yang bersesuaian bagi peningkatan berterusan, dan bersedia untuk menghadapi audit oleh badan pensijilan SIRIM.

4. Skop audit adalah seperti berikut:

4.1. Skop ISMS

- (a) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat hanya melibatkan proses Pendaftaran pelajar baharu Prasiswazah UPM Kampus Serdang dan Kampus Bintulu;
- (b) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Data bagi proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah;
- (c) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk pengoperasian pusat pemulihan bencana bagi proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah.

4.2 Skop EMS

Penyediaan Perkhidmatan Pengajaran dan Pembelajaran (Merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran di semua Fakulti, Pusat Asasi Sains Pertanian serta Taman Pertanian Universiti).

5. Kaedah audit yang diguna semasa pelaksanaan audit dalaman adalah semakan maklumat iaitu rekod dan dokumen bagi tempoh selepas audit badan pensijilan bermula 3 Oktober 2016 (bagi ISMS) dan 13 Oktober 2016 (bagi EMS), pemerhatian pelaksanaan aktiviti, pengujian fungsi peralatan, dan temubual auditi.

Penemuan Audit

6. Hasil daripada audit dalaman yang telah dijalankan beberapa Laporan Ketakakuran (NCR) dan Peluang Penambahbaikan (OFI) telah direkodkan. Laporan penemuan audit telah dibentangkan oleh ketua Juruaudit Dalaman ISMS dan Ketua Juruaudit Dalaman EMS semasa Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman ISMS dan EMS pada 22 Jun 2017. Perincian penemuan audit adalah sebagaimana **Jadual 1**.

Jadual 1: Bilangan Penemuan Audit Dalaman

Penemuan	ISMS	EMS
NCR	14	48
OFI	13	40
Perincian penemuan audit mengikut PTJ, Klausu dan proses boleh dirujuk dalam portal e-ISO dan Sistem Pengurusan Audit Dalaman (Portal CQA)		

7. Senarai Daftar Penemuan Audit Dalaman ISMS dan EMS telah diemelkan kepada semua Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) dan Timbalan Penyelaras Audit (TPAD) yang berkaitan pada 3 Julai 2017 mengambil kira cuti hari raya Aidilfitri. Sehubungan itu cadangan tarikh bagi penutupan audit telah dipinda dari tarikh 25 Julai 2017 sebagaimana yang dibentangkan oleh KJAD ISMS dan EMS kepada tarikh baharu iaitu pada 31 Julai 2017. Penetapan tarikh sebenar tindakan bagi penutupan audit dalaman adalah berdasarkan tarikh yang dinyatakan atau tarikh lain yang dipersetujui oleh Juruaudit mengikut kesesuaian tempoh tindakan.

8. Maklum balas bagi tindakan ke atas penemuan audit (NCR dan OFI) perlu dilengkapkan oleh TWP atau TPAD melalui Sistem Pengurusan Audit secara *online* (Portal CQA).

Syor

9. Ahli mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM, Universiti Putra Malaysia dimohon beri perhatian perkara berikut:

- (a) mengambil perhatian mengenai status penemuan audit dalaman ISMS dan EMS bagi tahun 2017;
- (b) mengambil tindakan ke atas penemuan audit dalaman ISMS dan EMS mengikut tarikh yang ditetapkan atau dipersetujui oleh Juruaudit Dalaman.